

NEA 2023 IKTIRAF 29 ATAS USAHA KEMAMPANAN 23 Pemenang Akan Bersaing untuk Anugerah Tenaga ASEAN

17 Ogos 2023, Kuala Lumpur – Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bersama-sama dengan Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) hari ini mengumumkan dan menyampaikan anugerah kepada 29 pemenang Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) 2023 daripada sejumlah 114 penyertaan yang diterima. NEA dianjurkan setiap tahun sejak tahun 2018 bagi mengiktiraf usaha syarikat dan institusi Malaysia yang melaksanakan inisiatif kemampunan yang membawa perubahan. Ini adalah selaras dengan agenda Peralihan Tenaga Saksama, Rendah Karbon dan pembangunan mampan.

Daripada sejumlah 29 pemenang dalam kategori penyelesaian Pengurusan Tenaga, Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Diperbaharui, 23 akan mewakili Malaysia ~~ke dalam~~ Anugerah Tenaga ASEAN yang akan diadakan pada 24 dan 25 Ogos 2023 bersempena dengan Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN anjuran ASEAN Centre of Energy (ACE), sebuah pertubuhan antara kerajaan yang mewakili kepentingan negara-negara anggota ASEAN dalam sektor tenaga.

Mengulas tentang penyertaan dalam NEA pada tahun ini, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Nik Nazmi Nik Ahmad berkata: “Selaras dengan komitmen Malaysia dalam menerajui ekonomi mampan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah menganjurkan NEA setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran serta penerapan amalan tenaga lestari dalam setiap industri. Oleh itu, saya amat berbangga dengan penyertaan pada tahun ini dan percaya bahawa mereka yang menyertai adalah peneraju bagi amalan tenaga lestari.”

“Malaysia memerlukan semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam usaha kita mencapai rendah karbon. Para peserta NEA telah mendahului usaha ini menerusi idea, inovasi dan pelaksanaan yang seharusnya kita contohi. Saya pasti lebih banyak syarikat-syarikat perniagaan akan mendapat inspirasi daripada contoh-contoh ini dan saya berharap penyertaan dalam edisi NEA yang seterusnya akan meningkat,” tambah beliau.

Penyertaan sebanyak 114 pada tahun ini menyaksikan gabungan pengurangan penggunaan tenaga melebihi 1.34 GW daripada segi penjimatan elektrik. Ini bersamaan dengan pengurangan pelepasan karbon melebihi 23,000 tan metrik setahun. Bagi pemenang peringkat akhir NEA, 9 daripada mereka telah memenangi kategori Amalan Terbaik dalam Pengurusan Tenaga, 11 memenangi kategori Kecekapan Tenaga dan 9 memenangi Kategori Projek Tenaga Boleh Baharu Terbaik.

Bagi kategori Pengurusan Tenaga yang menyaksikan persaingan sengit, empat buah hospital kerajaan telah mendapat pengiktirafan kerana menggunakan sistem pengawasan dan kawalan sistematik yang

proaktif untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga, mengurangkan kos tenaga dan mengurangkan impak alam sekitar secara keseluruhan.

Bagi kategori Kecekapan Tenaga, sebuah sekolah antarabangsa telah mendapat tempat pertama dan sebuah hospital kerajaan yang lain telah dipilih sebagai pemenang kedua. Kategori ini mengiktiraf inisiatif yang menerima amalan tenaga mampan untuk bangunan baharu atau yang dibaikpulih.

Bagi kategori Tenaga Boleh Baharu, penyertaan diterima daripada projek solar, solar kepada hidrogen, biogas dan mini hidro dari seluruh Malaysia.

Ketua juri untuk NEA, Ir. Chen Thiam Leong berkata, “Malaysia sedang mengorak langkah ke arah menggabungkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dengan tindakan iklim. NEA akan terus memainkan peranan penting untuk menggalakkan perniagaan menerima amalan yang mampan. Panel juri pada tahun ini teruja menerima penyertaan yang menunjukkan usaha untuk menjadikan Pengurusan Tenaga, Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Diperbaharui sebagai agenda utama.”

“Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada peserta yang telah dipilih untuk mewakili Malaysia dalam Anugerah Tenaga ASEAN, anugerah tertinggi di rantau ini dalam mempromosikan perkembangan dan penerimaan amalan tenaga mampan. Saya yakin para peserta dapat membuktikan kehebatan mereka di peringkat serantau,” kata beliau lagi.

Senarai penuh para pemenang NEA 2023 mengikut kategori masing-masing disediakan pada jadual di Apendiks 1.

Untuk maklumat lanjut tentang NEA 2023, sila layari laman web rasmi:

www.nationalenergyawards.com.my .

– TAMAT –

TAHNAH KEPADA PEMENANG



Selaras dengan komitmen Malaysia dalam meneraji ekonomi mampan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah menganjurkan NEA setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran serta penerapan amalan tenaga lestari dalam setiap industri. Oleh itu, saya amat berbangga dengan penyertaan pada tahun ini dan percaya bahawa mereka yang menyertai adalah peneraju bagi amalan tenaga lestari.

**YB Nik Nazmi
Nik Ahmad**
Menteri Sumber Asli,
Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim

KATEGORI 1 PENGURUSAN TENAGA

Pengurusan Tenaga Bangunan Besar	PEMENANG	Hospital Alor Gajah, Melaka
	HAIB JUARA	Hospital Jasin, Melaka
Pengurusan Tenaga Bangunan Kecil dan Sederhana	PEMENANG	Hospital Tangkak, Johor
	HAIB JUARA	Hospital Pontian, Johor
	HERIT	Johor Port Authority
Pengurusan Tenaga Industri Besar	PEMENANG	Micron Semiconductor Malaysia Sdn Bhd
	HAIB JUARA	Ramatex Textiles Industrial Sdn Bhd
Pengurusan Tenaga Industri Kecil dan Sederhana	PEMENANG	Indah Water Konsortium Sdn Bhd - Klang Selatan
	HAIB JUARA	Indah Water Konsortium Sdn Bhd - Butterworth Selatan

KATEGORI 2 KECEKAPAN TENAGA

Rekabentuk Bangunan Cekap Tenaga	HAIB JUARA	Tzu Chi International School
	HAIB JUARA	DJ Midtown (Retail & Office)
Bangunan Tropika	PEMENANG	Johor Port Authority
Retrofit Bangunan	PEMENANG	Kenanga Tower
	HAIB JUARA	Lotus's Bukit Mertajam
	HERIT	Hospital Sultanah Maliha, Kedah
Bangunan Hijau Besar	PEMENANG	Tzu Chi International School
	HAIB JUARA	Menara DJH
	HERIT	IOI City Mall Phase 1
Zero Energy Building	HERIT	Spritzer ASRS Warehouse
	HERIT	Projek Lebuhraya Usahasama (PLUS) Berhad

KATEGORI 3 TENAGA BOLEH BAHARU

Penjanaan TBB Tersambung Grid (Kebangsaan)	PEMENANG	Proton Tanjung Malim Sdn Bhd
	HAIB JUARA	reNIKOLA Holdings Sdn Bhd
Penjanaan TBB Tersambung Grid (Tempatan)	PEMENANG	Sime Darby Plantation Renewable Energy Sdn Bhd
	HAIB JUARA	TONIBUNG
Penjanaan TBB Tidak Tersambung Grid (Kuasa)	PEMENANG	Ranhill SAJ Sdn Bhd
	HAIB JUARA	Sabah Softwoods Berhad
Penjanaan TBB Tidak Tersambung Grid (Termal)	HERIT	SIRIM Berhad
	HERIT	Alam Flora Environmental Solutions Sdn Bhd
Anugerah Khas	HERIT	H2 Energy Sdn Bhd

UNTUK MAKLUMAT LANJUT MENGENAI NEA:

+603 8921 0800 nea@mgfc.gov.my

Apendiks 1

Mengenai Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA)

Diterajui oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Anugerah Tenaga Kebangsaan (“NEA”) mengiktiraf penggunaan konsep dan amalan tenaga mampan untuk organisasi perniagaan Malaysia merentasi semua industri dan sektor.

Inisiatif NEA, yang menyokong cita-cita Malaysia untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih paling awal menjelang tahun 2050, menggalakkan penggunaan amalan tenaga mampan dan perkongsian pengetahuan tentang aktiviti yang mematuhi piawaian tenaga mampan. Ini sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara pelepasan GHG sifar bersih menjelang tahun 2050.

Mengenai Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)

MGTC ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang diberi mandat untuk mempercepatkan pertumbuhan hijau, memajukan tindakan iklim dan memupuk gaya hidup hijau dalam kalangan masyarakat.

Berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP), Pelan Induk Teknologi Hijau 2017-2030 (GTMP) dan Rancangan Malaysia ke-12, MGTC menjalankan pelbagai program dan inisiatif untuk menyokong para pemegang kepentingan di semua peringkat.

Menjelang tahun 2030 dan menerusi pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan, MGTC berhasrat untuk membuat pelaburan hijau sebanyak RM100 bilion, mewujudkan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau dan membantu Malaysia mencapai pelepasan GHG sifar bersih dengan sasaran seawal tahun 2050.